

Alat komponen untuk industri

Guna sumber

tempatan: PM

Oleh JAILANI HARUN

BUTTERWORTH: Syarikat Jepun yang menjalankan operasi di negara ini digesa meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R & D) serta menggunakan sumber tempatan bagi membuat komponen industrinya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membuat saranan itu berkata syarikat Jepun patut berusaha lebih gigih untuk mendapatkan bahagian serta alat komponen mereka daripada punca tempatan, terutama daripada syarikat Malaysia.

"Kilang di Malaysia patut mencontohi Proton yang berusaha mendapatkan kepakaran dan rakan usahasama supaya syarikat tempatan mampu mengeluarkan komponen yang lebih bermutu.

"Dalam hal ini, saya harap lebih banyak syarikat asing di Malaysia akan mencontohi Sony kerana menggunakan hampir 50 peratus sumber tempatan bagi proses pengeluarannya," katanya.

Beliau berucap merasmikan kilang Sony Electronics (M) Sdn Bhd dan Sony Mechatronics Products (M) Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Prai dekat sini, semalam.

Perdana Menteri juga berkata, pelaburan Sony Corporation yang berjumlah \$537 juta di Malaysia adalah yang kedua besarnya di dunia, selepas pelaburannya di Amerika Syarikat.

Menurutnya, jenama Sony sudah diakui bermutu tinggi dan diharapkan Malaysia akan muncul sebagai pengeluar barangan Sony yang terkemuka di dunia suatu hari kelak.

"Pelaburan besar ini membuktikan kepercayaan syarikat ini terhadap kestabilan ekonomi dan suasana pelaburan yang baik di negara ini," katanya.

Mengenai operasi kilang itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, industri pengeluaran alat audio yang memberi pekerjaan kepada lebih 25,000 pekerja, adalah industri terpenting di Malaysia.

Menurutnya, nilai eksport industri itu

meningkat daripada \$653.8 juta pada 1986 kepada \$3.3 bilion tahun lalu serta berjaya mewujudkan lebih banyak industri sampingan seperti plastik, kepingan logam dan pengangkutan.

Industri itu juga, katanya, membantu meluaskan industri elektronik di Malaysia yang sebelum ini hanya tertumpu kepada bidang pengeluaran semikonduktor.

Menurutnya, sehingga akhir Mei lalu, 89 syarikat diberi kelulusan untuk mengeluarkan pelbagai alat audio dan enam daripadanya diberi status perintis, lapan diberi elaun cukai pelaburan manakala 21 lagi diberi kelulusan tanpa galakan cukai.

"Dalam bidang ekuiti pula, 60.7 peratus daripada 61 syarikat yang diluluskan sejak 1986 adalah milik asing, 13.1 peratus milik rakyat Malaysia, 9.8 peratus usahasama manakala 16.4 peratus lagi dikecualikan daripada sebarang syarat ekuiti," katanya.